

15 JUL 1999

LEBIH 400 PELUMBA MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM TERBUKA KEDAH

ALOR SETAR, 15 Julai (Bernama) -- Lebih 400 pelumba dari seluruh Malaysia termasuk pelajar-pelajar berumur antara 12 dan 18 tahun akan mengambil bahagian dalam Lumba Basikal Terbuka Kedah pada 19 dan 20 Julai ini.

Menurut kenyataan daripada First Cartel (M) Sdn Bhd, penganjur acara itu, perlumbaan itu terdiri daripada kriterium sejauh 2.4 km di sekeliling Jitra dan lumba jalan sejauh 122.8 km.

Penunggang-penunggang itu akan, mengambil bahagian dalam tujuh kategori, iaitu lelaki elit (jalan), junior lelaki (jalan), elit lelaki (kriterium), junior lelaki (kriterium), mountain bike (MTB) terbuka lelaki, MTB bawah 15 dan 18 tahun dan MTB bawah 12 tahun. Pemenang akan menerima hadiah wang tunai antara RM100 dan RM1,000.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melepaskan peserta-peserta kriterium sejauh 2.4 km itu pada 20 Julai di hadapan Bangunan Umno Kubang Pasu di Pekan Jitra.

Penganjur bersama lumba basikal itu ialah Umno Bahagian Kubang Pasu dan ia disokong oleh Kementerian Belia dan Sukan.

-- BERNAMA
ZA PR